TATACARA PERMOHONAN PENDAFTARAN NIKAH TANPA IZIN (NTI)

1. Hadir ke Bahagian Undang-undang Keluarga Islam (BUUKI), JHEAINS dengan mengemukakan dokumen berikut:
   a. Dokumen pengenalan diri pemohon dan pasangan
   b. Dokumen perkahwinan pasangan
   c. Surat pengesahan dokumen perkahwinan daripada Kedutaan atau Konsulat Malaysia di lokasi akad nikah dijalankan
   d. Pasport / dokumen perjalanan ke luar negara bagi urusan perkahwinan (jika berkaitan)
   e. Surat Perakuan Nikah dengan isteri-isteri sedia ada sekiranya poligami
   f. Surat Perakuan Cerai jika pemohon berstatus duda atau janda
2. Pasangan akan menjalani sesi temubual / siasatan oleh Pendaftar NCR dan sekiranya Pendaftar berpuas hati, surat arahan hadir ke Mahkamah Syariah untuk memfailkan Permohonan Pengesahan Nikah akan dikeluarkan kepada Pemohon.
3. Pasangan memfailkan Permohonan Pengesahan Nikah di Mahkamah Syariah serta hadiri sesi perbicaraan sehingga selesai dan menyerahkan salinan perintah / keputusan penghakiman kepada BUUKI, JHEAINS.
4. Pendaftar membuat aduan kepada Pegawai Penguatkuasa Agama untuk menjalankan siasatan terhadap kesalahan matrimoni dan pasangan perlu hadir sesi siasatan di Bahagian Penguatkuasaan, JHEAINS.
5. Hadiri perbicaraan pendakwaan terhadap kesalahan berkenaan di Mahkamah Syariah dan menyelesaikan denda atau hukuman yang ditetapkan.
6. Pasangan membuat permohonan Pendaftaran Perkahwinan Tanpa Kebenaran di laman web **www.sppim.gov.my**.
7. Pasangan hadir semula ke BUUKI, JHEAINS untuk melengkapkan urusan pendaftaran perkahwinan dan membuat bayaran fi bagi pengeluaran surat dan kad perakuan nikah.

PENALTI

KESALAHAN NIKAH TANPA IZIN

Pasangan serta pihak yang terlibat dalam pernikahan tersebut seperti jurunikah, wali, saksi boleh didakwa di bawah kesalahan seksyen 40 (1) dan (2) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 yang boleh didenda RM1000 atau penjara sehingga 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

KESALAHAN POLIGAMI TANPA KEBENARAN

Lelaki yang telah mempunyai isteri dan berkahwin tanpa mendapat kebenaran berpoligami terlebih dahulu dari mahkamah boleh dikenakan denda di bawah seksyen 124 iaitu denda sehingga RM1000 atau penjara sehingga 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

PERCUBAAN DAN PENSUBAHATAN

Mana-mana orang yang cuba melakukan, atau bersubahat melakukan, mana-mana kesalahan di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman yang sama seperti yang diperuntukkan bagi kesalahan itu di bawah seksyen 134.

KESALAHAN LEWAT DAFTAR

Pasangan yang gagal mendaftarkan perkahwinan mereka sebelum tempoh 6 bulan dari tarikh nikah boleh dikenakan denda di bawah seksyen 35 iaitu denda sehingga RM1000 atau 6 bulan penjara atau kedua-duanya sekali.

Peraturan dipatuhi, syarak pun parti
Keluarga harmoni, rumah tangga diberkati.

Terbitan
BAHAGIAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM,
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN
Pusat Dakwah Islamiah Negeri Sembilan,
Jln. Seremban – Kuala Pilah
70400 Seremban, Negeri Sembilan

No. Tel: 06-6771352
No. Faks: 06-6771305
E-mel: uuki.jheains@ns.gov.my

SISTEM CHATBOT BUUKI JHEAINS

JHEAINS
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

NIKAH TANPA IZIN



PENGERTIAN NIKAH TANPA IZIN

1

Perkahwinan yang dijalankan **berlawanan dengan mana-mana peruntukan Akta/Enakmen/Ordinan Undang-undang Keluarga Islam** yang sedang berkuat kuasa di Malaysia.

2

Perkahwinan yang **tidak mendapat kebenaran berkahwin terlebih dahulu dari mana-mana Pendaftar Perkahwinan,Perceraian dan Ruju'** di Pejabat Agama Islam Daerah/Jabatan Agama Islam Negeri di Malaysia dan Mahkamah Syariah bagi kes-kes yang tertentu.

CIRI-CIRI NIKAH TANPA IZIN

- **Pernikahan berlaku di luar negara tanpa kebenaran** atau lebih dikenali sebagai kahwin lari.
- **Nikah sindiket yang berlaku dalam negara dan pernikahan dilakukan melalui orang tengah** atau dilaksanakan oleh jurunikah yang tidak bertauliah serta saluran yang tidak diiktiraf.
- **Pernikahan yang tidak mendapat keizinan wali.**
- **Pernikahan poligami yang tidak mendapat kebenaran Mahkamah Syariah.**
- **Sijil nikah palsu dan tidak diiktiraf di Malaysia.**

PUNCA NIKAH TANPA IZIN

WALI

Pasangan tidak mendapat persetujuan wali atau mendapat halangan dari keluarga.

POLIGAMI

Pasangan tidak mendapat kebenaran mahkamah atau menyembunyikan status perkahwinan semasa.

HAMIL LUAR NIKAH

Pasangan yang telah terlanjur untuk menutup malu.

KESALAHAN KHALWAT

Pasangan beranggapan pernikahan tanpa izin boleh mengelak disabitkan dengan kesalahan Jenayah Syariah.

MENGELAK DARIPADA MEMATUHI PROSEDUR

Pasangan beranggapan prosedur pernikahan tanpa kebenaran cepat dan mudah tanpa memikirkan implikasi dari aspek syarak dan undang-undang.

PENGABAIAN TERHADAP HUKUM SYARAK DAN PROSEDUR UNDANG-UNDANG

Pasangan mengambil jalan singkat tanpa mengikut hukum syarak dan mengelak daripada mematuhi prosedur undang-undang yang telah ditetapkan dengan beranggapan peraturan sedia ada membebankan.

PERNIKAHAN DENGAN WARGANEGARA ASING

Pernikahan yang melibatkan warganegara asing yang tidak layak untuk berkahwin dengan warganegara Malaysia seperti PLKS, pelarian UNHCR dengan niat untuk mendapatkan kemudahan dan keistimewaan di Malaysia seperti status kewarganegaraan, tempoh visa, perniagaan serta bantuan-bantuan yang berkaitan.

BERANGGAPAN KOS PERNIKAHAN TANPA IZIN RENDAH

Pasangan beranggapan bahawa kos pernikahan tanpa izin rendah sedangkan ia akan melibatkan kos yang lebih tinggi termasuk penalti yang akan dikenakan atas kesalahan yang telah dilakukan serta prosedur pengesahan perkahwinan yang pelbagai.

IMPLIKASI TIDAK MENDAFTARKAN PERNIKAHAN MENGIKUT EUKINS 2003

1. Perkahwinan tidak diiktiraf di bawah mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa di Malaysia.
2. Wujud kemungkinan perkahwinan tanpa izin yang tidak disahkan mengikut hukum syarak dan tidak mendapat pengesahan undang-undang.
3. Menyulitkan pasangan sekiranya berlaku konflik dalam perkahwinan khususnya untuk memohon perceraian atau pembatalan perkahwinan.
4. Menyukarkan pasangan untuk menuntut hak-hak di Mahkamah Syariah seperti tuntutan nafkah, nafkah anak, tuntutan harta sepencarian, faraid, urusan perbankan atau pencen sekiranya berlaku kematian salah seorang daripada pasangan.
5. Menyukarkan proses pendaftaran kelahiran dan penentuan status anak.
6. Kesukaran mendaftarkan persekolahan anak dan memohon bantuan yang berkaitan.
7. Merumitkan urusan permohonan kebenaran perkahwinan anak dan perwalian nikah kerana perkahwinan tidak diiktiraf.
8. Urusan mengerjakan haji dan umrah akan tergendala kerana gagal mengemukakan bukti perkahwinan yang diiktiraf.
9. Kesukaran mendapatkan kemudahan rawatan sebagai pasangan kepada warganegara.
10. Kesukaran dalam menguruskan permohonan berkaitan pasport dan visa.